

Mahathir jelas Persyarikatan Malaysia

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, konsep Persyarikatan Malaysia berteraskan kepada kerjasama rapat antara sektor awam dan swasta ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang kukuh serta mampu bersaing dengan negara-negara maju.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Kee Yong Wee di Dewan Negara semalam.

Senator Kee bertanya sama ada konsep itu meliputi kerjasama antara pihak swasta dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat pusat dan negeri.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan maksud konsep ini, supaya mengelakkan salah faham yang mungkin menjejaskan pelaksanaannya."

"Konsep Persyarikatan Malaysia berteraskan kepada kerjasama rapat di antara sektor awam dengan sektor swasta.

"Sebahagian daripada usaha sektor swasta adalah berkait rapat, malah bergantung kepada kuasa-kuasa yang ada pada sektor awam," jelasnya.

Perdana Menteri berkata adalah penting bagi sektor awam memberi segala bantuan dan kerjasama kepada sektor swasta supaya sektor itu mencapai kejayaan dan mendapat keuntungan.

"Kejayaan dan keuntungan yang bertambah oleh sektor swasta akan membawa kemakmuran dan kejayaan kepada negara."

"Kejayaan negara, hasil dari hubungan yang rapat di antara kedua-dua sektor ini, akan memberi sumbangan yang bermakna kepada hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara ini kukuh dan mampu bersaing dengan lain-lain negara-negara maju," tambahnya.

Sementara itu, soalan mengenai beberapa banyak robot yang akan diimport dari Jepun untuk membantu pelaksanaan projek kereta buatan Malaysia telah menimbulkan gelak ketawa di Dewan Negara.

Senator Datuk Haji Mohd Din Jaafar bertanya kepada Perdana Menteri.

Perdana Menteri menjelaskan: "Sebenarnya saya belum bilang lagi berapa jumlah robot yang akan kita bawa masuk dari Jepun."

Ini disambut dengan gelak-ketawa anggota

Dewan.

Kepada soalan tambahan senator itu, Perdana Menteri berkata projek itu dapat memberi peluang pekerjaan kepada 2,000 hingga 2,500 orang.

Menjawab soalan Datuk Yap Peng, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Kerajaan berpendapat projek itu menguntungkan.

Katanya, antara faktor yang memberi keyakinan kepada Kerajaan melibatkan diri dalam projek itu ialah:

● Kilang yang akan dibina untuk projek ini mempunyai kemampuan yang cukup besar supaya pengeluaran yang ekonomik dapat dicapai.

● Rakan-rakan usahasama dalam projek ini terdiri daripada syari-

kat-syarikat yang terkenal di peringkat antara-bangsa dan mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang perusahaan kereta. Dengan ini kos kejuruteraan yang rendah dapat dinikmati oleh projek ini.

● P'asaran dalam negara kita dapat menampung jumlah pengeluaran yang dirancangan.

Dari segi mutunya, kereta buatan Malaysia dijangka dapat menandingi kereta-kereta Jepun yang popular di negara ini.

Di samping itu, tambahnya, untuk memastikan kejayaan projek ini, Kerajaan akan memberi segala bantuan dan galakan yang diperlukan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia